

*Sejarah*  
**PERGERAKAN  
AS-SUNNAH  
DI PERLIS**  
DAHULU DAN SEKARANG

EDARAN PERCUMA

Jabatan Mufti Negeri Perlis



*Sejarah*  
**PERGERAKAN  
AS-SUNNAH  
DI PERLIS**  
DAHULU DAN SEKARANG

**AHMAD YUSOF AMIN**

© 2016, Jabatan Mufti Negeri Perlis

**Cetakan Pertama 2016**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini di dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau selainya sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

ISBN 978-967-13496-4-9

*Atur Huruf & Reka Letak:*

**AMIRNIAGA DESIGN STUDIO**

(milik penuh Amirniaga Enterprise),

343-A, Kompleks Amirniaga,

Jalan Sekolah Malau Off Jalan Bukit Wang,

06000 Jitra, Kedah.

Tel: 019-417 3515, Fax: 04-917 3491

Emel: amirniaga@yahoo.com

*Diterbitkan oleh :*

**JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS,**

Tingkat 1, Blok A,

Bangunan Dato' Mahmud Mat,

01000 Kangar Perlis.

Tel: 04-979 4428, Fax: 04-976 3844

## Kandungan

Titah Perutusan DYTMM Tuanku Raja Muda Perlis	vii
Pendahuluan	1
Di Zaman Rasulullah	1
Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah	2
Zaman Penyelewengan	5
Pergerakan Islah	6
Gerakan Islam Di Nusantara	7
Gerakan Islah Di Malaysia	9
Gerakan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah Di Negeri Perlis	11
Abdul Manaf Bin Abdullah	12
Dato' Wan Ahmad	12
Abdul Gani Bin Dato' Sakti	12
Haji Mokhtar Haji Ismail	13
Tiga Mat	13
Syeikh Abu Bakar Al-Asha'ari	14
Fakih Sidin	15
Syeikh Noor	15
Tokoh-Tokoh Ahli As-Sunnah Lain	15
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis	16
Perkembangan Sekarang	17
Cadangan Dan Saranan	18



**TITAH PERUTUSAN DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS  
SELAKU YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN  
ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala pujian hanya untuk Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan pengikut Baginda.

Alhamdulillah, Beta amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya buku “*Sejarah Pergerakan As-Sunnah Di Perlis Dabulu Dan Sekarang*” dapat diterbitkan. Ini merupakan salah satu usaha Jabatan Mufti Negeri Perlis untuk memberikan kefahaman berkaitan pergerakan As-Sunnah di negeri ini.

Tahniah Beta ucapkan kepada pihak Jabatan di atas usaha menerbitkan buku ini. Bahan bacaan seperti ini perlu diterbitkan dari masa ke semasa untuk memberi panduan dan ilmu kepada masyarakat Islam khususnya di Negeri Perlis agar tidak terpesong daripada *Al-Quran* dan *As-Sunnah*.

Mengakhiri titah, Beta mendoakan agar buku ini dapat memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT, InsyaAllah. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

Sekian, Wassalam.

**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,  
D.K., S.P.M.P, P.A. T  
RAJA MUDA PERLIS**

Termaktub di Istana Arau,  
Arau, Perlis,  
Malaysia.  
Tarikh: 14hb Mac 2016





# SEJARAH PERGERAKAN AS-SUNNAH DI PERLIS DAHULU DAN SEKARANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسول أمين وعلى اصحابه اجمعين.

## PENDAHULUAN

Penduduk di Perlis memang bertuah dan bernasib baik, kerana perlembagaan negeri ini pegangan agamanya berdasarkan kepada pegangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis (As-Sunnah). Sedangkan negeri-negeri lain dalam Malaysia menetapkan dalam perlembagaan mereka, Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah bermazhab As-Syafie. Ini bererti bahawa negeri Perlis ini berpegang kepada As-Sunnah Wal-Jamaah yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab fiqhiyah tertentu. Tetapi ia mengambil mana-mana pendapat dan pandangan mazhab-mazhab yang empat dan mana-mana ulamak muktabar yang berdasarkan hujjah yang kuat dari Al-Quran dan As-Sunnah yang sahih, maka ini diambil pakai sebagai pegangan yang diamalkan di negeri ini.

## DI ZAMAN RASULULLAH

Rasulullah SAW diutuskan ke bumi ini, untuk menyambungkan risalah Islam daripada Allah untuk manusia sejagat, berdasarkan kepada wahyu Allah, Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Umat Islam di zaman Rasulullah SAW mengambil terus hukum Islam dari Al-Quran yang sedang diturunkan kepada Rasulullah SAW serta mendapat penjelasan terus daripada beliau sendiri yang masih hidup lagi bersama-sama

mereka, sebagai sumber ajaran Islam yang kedua, selepas Al-Quran. Amalan ini berterusan sehinggalah ke zaman sahabat selepas wafat Rasulullah dan sehingga ke zaman tabi'e. Sabda Rasulullah SAW.;

”خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ يَفْسُو  
الْبِدْعَ وَالْمَقَالَاتُ“<sup>1</sup>.

Maksudnya, “*Sebaik-baik manusia ialah manusia di zamanku, kemudian mereka yang berikutnya, kemudian mereka yang berikutnya, kemudian akan tersebar bida'ah dan pandangan-pandangan yang menyeleweng*”.

Sebenarnya pegangan ummah Islam di zaman permulaan itu dikatakan berpegang kepada pegangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah.

## AHLI AS-SUNNAH WAL-JAMAAH

Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah adalah satu jalan atau aliran pegangan umat Islam di zaman Rasulullah SAW, zaman sahabat, zaman tabi'e. Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah juga dipanggil “Ahli As-Sunnah” atau dipanggil “Sunni” untuk seseorang yang berpegang dengan pegangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah. Dalam sebuah hadis yang di riwayatkan oleh Tarmizi, hadis hasan sahih. Sabda Rasulullah SAW;

”أَوْصِيَكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ تَأْمُرْ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ  
حَبَشِيٌّ فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا وَإِيَّاكُمْ

<sup>1</sup> Sahih al-Bukhari – Kitab al-Syahaadat – Bab La Yasyhadu ‘Ala Syahadah Jaur Iza Ushyhid. Hadis bilangan 2507.

وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّهَا ضَلَالَةٌ فَمَنْ أَدْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَعَلَيْهِ بِسُنَّتِي  
وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَضُّوا عَلَيْهَا  
بِالنَّوَاجِدِ.<sup>2</sup>

Maksudnya, “*Aku mewasiatkan supaya bertaqwa kepada Allah, dengar dan patuhlah, walaupun hamba Habasyi sekalipun, siapa dari kamu yang hidup di masa itu, akan melibat perselisihan pendapat yang banyak, hati-hatilah kamu dengan ciptaan baru (berhubung dengan agama) kerana ia adalah sesat, siapa di antara kamu bertembung dengan demikian, maka hendaklah dia berada di atas sunnahku dan sunnah para sahabat yang mendapat petunjuk, gigitlah dengan geraham kamu sekuat-kuatnya*”.

Dalam kitab Milal wa-Nihal, sabda Rasulullah SAW.

”سَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً النَّاجِيَةُ مِنْهَا وَاحِدَةٌ  
وَالْبَاقُونَ هَلَكِي قِيلَ وَمَنْ النَّاجِيَةُ؟ قَالَ: أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ  
قِيلَ وَمَا السُّنَّةُ وَالْجَمَاعَةُ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.”<sup>3</sup>

Maksudnya, “*Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga kumpulan, yang selamat darinya satu kumpulan, selainnya binasa, dikatakan kepadanya, siapa yang selamat itu?. Berkata Rasulullah; Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah, dikatakan kepadanya, siapa Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah?. Berkata Rasulullah; Apa yang aku berada di atasnya dan juga sahabat-sahabatku*”.

<sup>2</sup> Dinilai sebagai Hasan Sahih oleh al-Imam al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi – Kitab al-‘Ilm – Bab Ma Ja’a Fi al-Akhz Bi as-Sunnah Wa Ijtinaab al-Bida’. Hadis bilangan 2676.

<sup>3</sup> Dinilai Hasan Ghari boleh al-Imam al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi – Kitab al-Iman – Ma Ja’a Fi Iftiraaq Hazih al-Ummah. Hadis bilangan 2641.

Dalam hadis Attabari, Rasulullah SAW bersabda;

”وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَتَفْتَرِقَ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً  
فَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، قِيلَ مَنْ هُمْ يَا رَسُولَ  
اللَّهِ؟ قَالَ: أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ“<sup>4</sup>.

Maksudnya, “Demi diri Muhammad di tanganNya, akan berpecah umatku ini kepada tujuh puluh tiga kumpulan, satu kumpulan ke dalam syurga dan tujuh puluh dua ke dalam neraka, dikatakan kepadanya, siapa itu yang selamat wahai Rasulullah? Berkata Rasulullah; Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah”.

Dalam Al-Quran Allah berfirman, dalam surah Al-A’raf, ayat 181:

وَمِمَّنْ خَلَقْنَا أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ

Maksudnya, “Dan di antara makhluk yang Kami cipta, ada satu umat (satu kumpulan) yang sentiasa berada di atas kebenaran, dan dengan kebenaran itu mereka menghukumkannya”.

Mereka yang dimaksudkan oleh ayat ini, ialah kumpulan yang mendapat petunjuk Allah, iaitu kumpulan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah. Mereka ini akan berjuang berterusan sehingga mendapat kemenangan atau ditentukan oleh Allah. Dalam sebuah hadis Bukhari dan Muslim, Rasulullah bersabda;

<sup>4</sup> Sunan Ibn Majah – Kitab al-Fitan – Bab Iftiraq al-Umam. Hadis bilangan 3992. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Ibn Majah, bilangan hadis 3241.

”لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَذَلَهُمْ  
وَلَا مَنْ خَالَفَهُمْ حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ عَلَى ذَلِكَ.”<sup>5</sup>

Maksudnya, “Akan berterusan umatku ada satu kumpulan yang sentiasa muncul di atas kebenaran, tidak akan memudharatkan mereka itu bagi siapa yang hendak mengecewakan mereka dan siapa yang mencanggahi mereka, sehingga datangnya penentuan Allah, mereka tetap di atas kebenaran itu juga”.

Inilah gambaran pejuang-pejuang sunnah, yang cekal dan tabah menghadapi cabaran dalam menegak kebenaran, mudah-mudahan Allah tetapkan pendirian kita semua dalam menegakkan pegangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah ini.

## ZAMAN PENYELEWENGAN

Apabila Negara Islam mengembangkan pengaruhnya sehingga hampir tiga suku bumi ini, Rom dan Farsi jatuh, negeri-negeri yang di bawah Empayar Rom dan Farsi jatuh di bawah kerajaan Islam. Maka di kala itu pengaruh falsafah Greece dan pengaruh agama Zaradastiyah dari Farsi, Buddha dan Hindu dari India meresap masuk ke dalam masyarakat Islam melalui pengamal-pengamalnya yang telah memeluk Islam. Pengaruh pemikiran ini berkembang dan bercampur aduk dengan ajaran Islam. Maka di kala itu timbullah berbagai-bagai aliran dan amalan yang terkeluar dari landasan Islam yang sebenar, yang diamalkan oleh umat Islam generasi pertama dan kedua. Amalan-amalan ini terkeluar daripada Al-Quran dan As-Sunnah.

<sup>5</sup> Sahih al-Bukhari – Kitab al-Manaqib – Bab Soal al-Musyrikin An Yuriyahum al-Nabiy SAW Ayah Fa Arahum Insiyaaq al-Qamar. Hadis bilangan 3442.

## PERGERAKAN ISLAH

Memandangkan penyelewengan inilah maka cendekiawan Islam di masa itu mula memikirkan dan mencari jalan untuk menyelamatkan masyarakat ini dari penyelewengan itu, dengan membuat gerakan Islah (pembaharuan), mereka menyeru masyarakat supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, ajaran yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah, iaitu amalan yang dipegang oleh generasi pertama dan generasi kedua bagi umat ini.

Antara cendekiawan Islam yang bergerak menyeru masyarakat itu ialah, Al-Wahidi, Ibnu Taimiyah, Ibnu Qaiyim Al-Jauzi, Muhammad Abdul Wahhab, Abu Hassan Al-Asha'ari. Abu Mansur Al-Maturidi, Jamaluddin Al-Afghani, Muhammad Abduh, Rasyid dan lain-lain.

Mereka ini menyeru masyarakat Islam supaya kembali ke pangkal jalan, seperti mana yang diamalkan oleh umat Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman sahabat baginda dan zaman tabi'in, iaitu kembali kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Walaupun pandangan mereka ini ada terdapat perbezaan antara mereka, tetapi mereka sepakat menyatakan bahawa masyarakat ini mestilah kembali kepada Al-Quran dan As-Sunnah seperti yang diamalkan oleh umat Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman sahabat dan di zaman tabi'in.

Mereka bergiat menulis buku, risalah dan maqalah-maqalah. Ini tersebar luas ke seluruh masyarakat Islam di seluruh dunia, serta diterjemah ke dalam berbagai-bagai bahasa yang hidup di dunia, hinggalah ke masyarakat kita di Tenggara Asia atau di Nusantara.

## GERAKAN ISLAM DI NUSANTARA

Islam datang ke Nusantara (gagasan pulau-pulau Melayu) melalui mubaligh-mubaligh dan pedagang-pedagang Islam dari Yaman dan Hadramaut. Sebelum adanya gerakan islah atau gerakan reformasi di Nusantara, masyarakat ini didominasi oleh aliran mazhabiyah dan ajaran tariqat-tariqat tasawwuf, yaitu mazhab As-Syafiee yang berbau Syiah Zaidiyah dan tariqat tasawuf batiniyah datang melalui mubaligh Yaman dan Hadramaut.

Dalam abad ke-18 timbullah tokoh-tokoh yang coba mencabar aliran mazhabiyah dan tariqat-tariqat tasawwuf yang tersebar luas di rantau ini. Di antara tokoh-tokoh itu ialah Shihabuddin Palembang, melalui bukunya “Risalah” dia menyerang “Martabat Tujuh” (aliran tasawuf batiniyah). Pada tahun 1790 pula tiba seorang ulamak Arab yang berfahaman salafi ke Surakarta, yang masa itu diperintah oleh Sri Susukunan Pakubuwono IV. Di masa mereka bergerak ke arah pembersihan aqidah dan ibadah dari amalan khurafat, taqlid dan bida’ah. Gerakan ini mendapat sambutan baik daripada masyarakat, tetapi tidak disenangi oleh pihak Belanda, yang memerintah Indonesia di masa itu, akhirnya mereka diusir dari Surakarta<sup>6</sup>.

Pada abad-18 gerakan salafiyah di Nusantara ini sebagai permulaan sahaja. Tetapi dalam permulaan abad-19 pergerakan ini menjadi lebih agresif dan aktif dengan berlakunya perang Paderi (1903-1938) di Minangkabau, Sumatera, Indonesia.

Peperangan ini dimulakan oleh tiga orang putera yang baru pulang dari Makkah: Haji Miskin, Haji Abdul Rahman dan Haji Muhammad Arif. Gerakan ini mengancam kaum adat, kaum adat meminta bantuan Inggeris dan Belanda, tetapi Belanda mengambil kesempatan untuk

<sup>6</sup> Hamka, Perkembangan kebatinan di Indonesia, Jakarta. Bulan Bintang 1976 hal 92-96.

menjajah Minangkabau. Maka kaum adat berpaling tadah dan mula berpihak kepada kaum Paderi untuk menghadapi ancaman Belanda<sup>7</sup>.

Dalam akhir abad-19 atau di awal abad ke-20 timbul pula seorang ulamak Minangkabau dari keturunan tokoh perang Paderi, iaitu Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif (1855-1916). Beliau berjuang melalui pena penulisan karyanya yang banyak, yang dihantar dari Makkah ke tanah airnya Minangkabau.

Peranan beliau yang gigih menyebarkan ajaran Islam yang sebenarnya, dalam bidang aqidah dan ibadah, memainkan peranan utama dalam melahirkan gerakan reformasi di Indonesia. Di antara tokoh-tokoh itu ialah; Syeikh Muhammad Jamal Jambek, Haji Ahmad Dahlan, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Agus Salim<sup>8</sup>.

Tokoh-tokoh ini walaupun anak Minangkabau, tetapi mereka ini berjuang di luar dari daerah mereka. Umpamanya Syeikh Muhammad Khatib bergerak di Makkah, Syeikh Tahir Jalaluddin bergerak di Tanah Melayu dan Haji Agus Salim bergerak di Jawa.

Selepas itu lahir pula seorang tokoh reformasi di Jawa, iaitu Haji Ahmad Dahlan yang akhirnya beliau berjaya menubuhkan persatuan Muhammadiyah pada tahun 1911.

Di Bandung pula tertubuhnya persatuan Islam (Persis) yang diasaskan oleh Haji Zamzam dan Haji Muhammad Yunus pada tahun 1923. Dengan kemasukan Hasan Bandong pada tahun 1926, maka suara Persis semakin lantang dan berani dalam menegakkan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.

<sup>7</sup> Sidi Ibrahim Boechri, Timbal Balik antara Pendidikan Islam dan Pergerakan National di Minangkabau hal, 42-50.

<sup>8</sup> Deliar Noer The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942 KL Oxford University Press 1978 hal, 31-34.



## GERAKAN ISLAH DI MALAYSIA

Gerakan Islah di Malaysia (Tanah Melayu di masa itu) bermula di negeri-negeri selat. Tokoh yang mempeloporinya ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, yang berasal dari Minangkabau, pernah mendapat pendidikan di Makkah dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Beliau bergerak bersama-sama Syed Syeikh Al-Hadi, Haji Abbas Mohd. Taha dan Mohd. Salim Al-Kalali, mereka menerbitkan Majalah Al-Imam pada tahun 1906 di Singapura. Nama Al-Imam itu diambil sempena nama gelaran Syeikh Muhammad Abdoh, seorang tokoh reformasi besar di Mesir.

Majalah Al-Imam ini terhenti penerbitannya pada tahun 1908, namun pengaruhnya amat baik di Tanah Melayu, mahupun di Indonesia. Peranan Majalah Al-Imam ini disambung oleh Majalah Neraca yang diterbitkan oleh Haji Abbas Mohd. Taha pada tahun 1911.

Pada tahun 1917 Syed Syeikh Al-Hadi menubuhkan Madrasah Al-Hadi di Bandar Melaka, tetapi kerana kurang mendapat sambutan, beliau berangkat ke Pulau Pinang dan menubuh Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyah pada tahun 1919.

Sebenarnya di Melaka pengaruh Islah telah pun berkembang di sana, lantaran itu munculnya tokoh-tokoh seperti Haji Ahmad Amin, Haji Sharif Sukkur. Kegiatan mereka tertumpu di daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah, akhirnya tertubuhnya gerakan Ansor As-Sunnah, di Bandar Melaka, tetapi pendaftarannya ditolak oleh pihak British, kerana dianggap radikal.

Madrasah Al-Masyhur di Pulau Pinang pula, tokoh-tokoh terkemuka yang turut menyumbang tenaga mereka di situ ialah; Syeikh Jalaluddin sendiri, Abu Bakar Rafe' dan Syeikh Abdullah Mahgribi.

Peranan Syed Syeikh Al-Hadi di Pulau Pinang, di samping Al-Madrasah Al-Masyhur, beliau juga mengasaskan Majalah Al-Ikhwan pada tahun 1926, di antara pembantu-pembantunya ialah anaknya sendiri Syed Alwi, Abdul Rahman Kajai dan Abdul Wahab Abdullah.

Gerakan Islah ini berkembang ke negeri-negeri Melayu Bersekutu, seperti Perak, dengan munculnya Madrasah Idrisiyah, Madrasah Ad-Diniyah Kampung Lalang, Perak. Di Selangor pula tertubuhnya Madrasah Al-Ubudiyah Kampung Jenderam. Di Negeri Sembilan pula gerakan Islah berkembang di Kuala Pilah pada tahun 1954 tertubuhnya Madrasah Ittiba'As-Sunnah.

Di negeri-negeri Melayu tidak bersekutu gerakan Islah berkembang di Kelantan dan di Perlis.

Perlis adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang mencatat sejarah kegemilangan dalam gerakan Islah, di antara negeri Melayu tidak Bersekutu. Walaupun negeri perlis sebuah negeri yang kecil di semenanjung Tanah Melayu, di perbatasan Malaysia dan Thailand. Tetapi jika dikaji tentang gerakan Islah di Malaysia, barangkali tidak ada sebuah negeri pun yang mampu menandinginya tentang kehebatan pengaruh gerakan As-Sunnah atau Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah atau dinamakan gerakan Islah.

## GERAKAN AHLI AS-SUNNAH WAL-JAMAAH DI NEGERI PERLIS

Di antara tokoh-tokoh islah negeri Perlis ialah, Syeikh Hassan Ahmad. Pergerakan As-Sunnah di Perlis bermula dengan kedatangan seorang ulamak yang bernama Syeikh Hassan bin Ahmad, dia datang dari Surabaya, Indonesia. Beliau tiba ke Perlis sebelum tahun 1916. Setibanya ke Perlis beliau mula mengajar dan menyampaikan ajaran Islam ini di Arau, beliau dikatakan membawa ajaran baru dalam agama Islam. Tetapi akibat fitnah, maka beliau diusir dari Perlis oleh Syed Alwi<sup>9</sup>.

Di antara murid Syeikh Hassan yang rajin belajar ialah Haji Abdullah Hussin, beliau menceritakan, bahawa Syeikh Hassan membuat pembaharuan, menentang khurafat dan bida'ah-bida'ah.

Apabila Syeikh Hassan diusir dari Perlis, beliau pergi ke Pulau Pinang dan mengajar di sana. Di Pulau Pinang berkenalan dengan kawan yang sepejuangan, seperti Haji Siraj, Syed Syeikh Al-Hadi (bekas muridnya), Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Jaafar (bapa kepada Dato'Oon Jaafar)<sup>10</sup>.

Pada tahun 1928 Syeikh Hassan datang sekali lagi di Perlis, buat kali kedua, kali ini beliau tinggal di Paya dan mengajar di situ.

Pada masa itu ada seorang guru agama yang mengajar di Paya, iaitu Haji Abdul Gani bin Dato' Sakti. Beliau berbincang dengan Syeikh Hassan dalam persoalan agama, akhirnya Haji Abdul Gani juga menjadi guru agama yang gigih menyebarkan ajaran Islam yang berpegang kepada pegangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah, tanpa terikat dengan pandangan mazhab fiqhiyah tertentu.

<sup>9</sup> Shakur Mat – As-sunnah di Perlis hal 8.

<sup>10</sup> Abait hal. 9.

## **ABDUL MANAF BIN ABDULLAH**

Sezaman dengan Syeikh Hassan, terdapat guru-guru agama lagi di Arau. Di antaranya ialah Haji Mat Kecil Belukar, yang dikenali dengan panggilan Lebai Kecil, kerana bentuk badannya kecil.

## **DATO' WAN AHMAD**

Dato' Wan Ahmad yang menjadi adikong Raja Syed Alwi dan ketua syarikat kerajaan Perlis pada masa itu, Beliau menjadi seorang yang bertanggungjawab bagi mengukuhkan semangat orang-orang As-Sunnah di negeri Perlis. Beliau berusaha membina sebuah Madrasah di kampung Paya dan memberi tugas kepada Syeikh Hassan untuk mengajar di situ.

## **ABDUL GANI BIN DATO' SAKTI**

Selepas pemergian Syeikh Hassan ke Pulau Pinang. Haji Abdul Gani meneruskan usaha untuk mengembang As-Sunnah di Utara Perlis, yang berpusat di Paya. Semasa Syeikh Abdul Gani bergiat mengembangkan As-Sunnah di Utara Perlis. Terdapat pula seorang tokoh As-Sunnah yang lain sedang bergiat mengajar As-Sunnah di selatan Perlis, iaitu di Simpang Empat. Tokoh itu ialah Lebai Kecil, nama beliau sebenar ialah Abdul Manaf bin Abdullah, berasal dari Kampung Darat, Padang Sumatera, Indonesia<sup>11</sup>.

---

<sup>11</sup> Temubual dengan bekas isteri Lebai Kecil- Sukur Mat.

Lebai Kecil mengajar di Madrasah Behor Masjid. Kemudian berpindah ke Madrasah Abu Bakar Taib, Batu Lima Jalan Kuala Perlis. Beliau juga dijemput mengajar di Satun Selatan Thailand, kerana Dato' Ibrahim kadhi wilayah Satun itu adalah muridnya.

## **HAJI MOKHTAR HAJI ISMAIL**

Orang yang mengajar semasa dengan Lebai Kecil, ialah Haji Mokhtar bin Haji Ismail, beliau adalah seorang yang gigih memperjuangkan pegangan As-Sunnah di negeri Perlis ini. Beliau berkelulusan dari India, beliau mengajar di Permatang Pauh, manakala Syeikh Noor pula mengajar di Simpang Empat.

## **TIGA MAT**

Di antara pejuang-pejuang As-Sunnah di Perlis di zaman permulaan ialah anak tempatan Perlis, yang lahir dan terdidik di Makkah, ialah Haji Ahmad Hakim<sup>12</sup>, Wan Ahmad bin Wan Daud dan Syeikh Ahmad bin Mohd. Hashim. Sebenarnya mereka ini merupakan tokoh tiga serangkai di Perlis, yang lebih terkenal dengan nama jolokan mereka ialah "Tiga Mat". Wan Ahmad ini bukanlah seorang yang berpegang kuat kepada ajaran agama pada mulanya, tetapi kemudiannya bertukar menjadi seorang tokoh agama yang disegani masyarakat. Beliau condong kepada aliran Islah yang dibawa oleh A. Hassan Bandong<sup>13</sup>. Beliau juga sering bertemu dengan Syed Syeikh Al-Hadi di Pulau Pinang dan berkenalan dengan Abdul Wahab Abdullah, penolong pengarang akhbar "Saudara" kepunyaan Syed Syeikh Al-Hadi.

<sup>12</sup> Haji Ahmad bin Haji Muhammad.

<sup>13</sup> Tokoh utama persatuan islah di Bandong, Indonesia (Persis).

Maka dengan inisiatifnya dan juga Syeikh Ahmad bin Mohd. Hashim, telah membawa Abdul Wahab Abdullah ke Perlis untuk bekerja di sana<sup>14</sup>.

## **SYEIKH ABU BAKAR AL-ASHA'ARI**

Seorang tokoh ulamak yang tidak asing lagi, sebagai penggerak Islah di Perlis ialah Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari, bekas penuntut Al-Azhar, Mesir, tahun 1925-1932. Beliau anak dari Balik Pulau, Pulau Pinang. Sekembalinya dari Mesir, beliau mengajar di samping menulis dalam akhbar "Saudara". Atas inisiatif "Tiga Mat" tersebut, maka Syeikh Abu Bakar kemudian di bawa ke Perlis pada tahun 1936 untuk bekerja di Perlis. Pada mulanya beliau bertugas mengajar di Madrasah Al-Alawiyah, Arau, tetapi memandangkan peranan beliau di situ agak terhad, maka beliau dilantik sebagai imam besar masjid Alwi, Kangar. Justeru sejak itulah gema seruannya yang nyaring itu, menyeru masyarakat agar kembali berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Syeikh Abu Bakar Al-Asha'ari dalam perjuangannya dan penulisannya banyak menekankan masalah sunnah dan bida'ah, masalah khurafat dan taqlid. Beliau menyeru masyarakat supaya sentiasa berpegang dengan pegangan As-Sunnah dan menyingkirkan bida'ah, khurafat dan taqlid.

Pergerakan As-Sunnah di Perlis ketika itu amat kuat, pesat dan lantang, lantaran kerjasama yang diberikan oleh kerajaan dan para ulamak As-Sunnah dan rentak gerak yang sama di antara pejuang-pejuang As-Sunnah di masa itu. Tuanku Syed Putra sebagai Raja Pemerintah di

---

<sup>14</sup> Di Perlis beliau bertugas sebagai penolong pendaftar Syarikat Kerajaan Perlis sebagai inspektor sekolah-sekolah dan dilantik menjadi Majistret di samping bertindak sebagai setiausaha Lembaga Pengelola Madrasah Al-Alwiyah.

masa itu, berkata; “Saya hanya sekadar menyambung sahaja apa yang sudah ada”. Bererti baginda menyokongnya, katanya lagi “Selagi tidak berlaku pertumpahan darah”. Maka dia akan membenarkannya.

## **FAKIH SIDIN**

Fakih Sidin adalah nama sebenarnya ialah Fakih Sidin bin Marusa, yang berasal dari Padang, Sumatra, Indonesia. Beliau datang ke Tanah Melayu pada tahun 1932 dan datang ke Perlis, kemudian diambil oleh Wan Ahmad dan Syeikh Ahmad Mohd. Hashim untuk mengajar agama di merata-rata tempat di Perlis.

## **SYEIKH NOOR**

Nama Syeikh Noor adalah ringkasan nama Syeikh Noor As-Surur. Beliau berasal anak kelahiran Pulau Pinang, pada tahun 1911, dari keluarga keturunan Arab Hadramaut. Beliau berpendidikan dari Arab Saudi, Makkah dan Madinah, menuntut di Darul Al-Hadis. Beliau mula mengajar di Mata Ayer dan seterusnya di merata tempat di Perlis, beliau adalah sebagai pengasas persatuan Al-Islah Negeri Perlis.

## **TOKOH-TOKOH AHLI AS-SUNNAH LAIN**

Di antara tokoh-tokoh ulamak As-Sunnah yang disebut tadi, yang bergiat menyebarkan pegangan As-Sunnah di Perlis, ialah Ustaz Abdul Rahman Ismail, Syeikh Mahmud Mat Saman, kedua-duanya bekas mufti Negeri Perlis, Ustaz Nurdin Ismail dan Ustaz Osman Muhammad, kedua-duanya bekas guru agama di Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniyah, Arau dan mubaligh di Perlis.

## UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI PERLIS

Kegiatan dan kegigihan tokoh-tokoh yang menyebarkan ajaran As-Sunnah di negeri Perlis. Akhirnya terbentuk sebuah undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis, pada tahun 1959 iaitu pada zaman Dato' Laksamana Haji Razali sebagai Menteri Besar negeri Perlis. Peristiwa yang berlaku pada 26 Mac 1959 dengan terkanunnya idiologi Islam di dalam undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis, iaitu perkara 17, menetapkan bahawa seorang Raja yang akan dilantik di Perlis, hendaklah beragama Islam yang beraliran "Ahli Sunnah Wal-Jamaah". Demikian juga untuk melantik seorang Pemangku Raja atau Jamaah Pemangku Raja, hendaklah juga beraliran "Ahli Sunnah Wal-Jamaah". (Perkara 3:1) Dan dalam menetapkan syarat waris DiRaja, dia hendaklah juga beraliran "Ahli Sunnah Wal-Jamaah". (Perkara 27).

Menurut takrif yang dipakai dan difahami di Perlis, maksud "Ahli Sunnah Wal-Jamaah" tersebut ialah aliran yang hanya berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah sahaja, tanpa berpegang kepada mazhab-mazhab fiqhiyah tertentu. Pegangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah di negeri Perlis ini yang dipanggil "Kaum Muda" dan sekarang dipanggil "Wahabi". Sebenarnya panggilan ini tidak kena dan tidak tepat sama sekali.



## PERKEMBANGAN SEKARANG

Barangsiapa yang mengkaji tentang perkembangan Islah di negeri Perlis, tentu sekali mengakui yang pengaruhnya tidak sehebat dahulu, malah kelihatan ia sedang berada dalam keadaan kelesuan dan kelemahan, kalau pun tidak terkubur. Ini lantaran ada terdapat beberapa faktor yang mewujudkan keadaan seperti ini, antaranya;

Faktor Pertama : Kerana berlakunya konflik politik di kalangan tokoh-tokoh Islah sendiri.

Faktor Kedua : Kerana kepentingan peribadi yang diutamakan daripada kepentingan umum atau kepentingan perjuangan.

Faktor Ketiga : Peranan Kerajaan Pusat secara tidak langsung atau secara halus, banyak membantu bagi mengukuhkan aliran mazhabiyah.

Faktor Keempat : Badan-badan pergerakan Islah juga tidak memainkan peranan yang sewajarnya dan beku bagi mengerakkan perjuangan As-Sunnah, seperti pertubuhan Al-Islah dan Jamaah Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perlis.

## CADANGAN DAN SARANAN

Untuk mengembalikan pergerakan Islah (Pembaharuan atau reformasi) di Negeri Perlis khususnya dan seluruh Malaysia amnya, hendaklah disusun semula NGO-NGO agama, badan-badan, institusi-institusi yang bergerak ke arah menegakkan fahaman Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah;-

1. Kerajaan Negeri Perlis, mestilah memainkan peranan, seperti pada masa dahulu, bagi menyelaras, menggerak dan memberi serta menyediakan kemudahan-kemudahan ke arah pergerakan ini.
2. Institusi pendidikan yang letak di bawah Kerajaan Negeri Perlis, hendaklah disusun semula atau diwujudkan supaya dapat melahirkan ulamak-ulamak yang berwibawa dan berpegang kuat dengan aliran Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah.
3. Ahli-ahli politik, hendaklah mencari jalan perpaduan dalam menegakkan fahaman Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah.
4. Persatuan Islah Negeri Perlis, hendaklah memainkan peranan yang aktif dan sewajarnya bagi menyusun perancangan dan programnya untuk memberi kefahaman As-Sunnah kepada masyarakat.
5. Ulamak-ulamak As-Sunnah, hendaklah bersatu bagi kepentingan perjuangan As-Sunnah, lupakanlah kepentingan peribadi dan kepentingan politik.
6. Tiap-tiap orang yang berpegang dengan aliran As-Sunnah Wal-Jamaah ini, hendaklah bersemangat waja untuk berusaha bagi menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang ini dengan apa cara yang diharuskan.
7. Di antara pejuang-pejuang As-Sunnah, hendaklah sentiasa bertemu dan bermuzakarah ke arah mencari penyelesaian, kesefahaman dan persepakatan, terutama sekali kalau ada perselisihan pandangan dan pendapat dalam masalah agama dan dalam sebarang masalah.

8. Mereka yang berkemampuan hendaklah berusaha menulis buku, risalah, maqalah, penerbitan-penerbitan dan sebagainya.
9. Pejuang-pejuang As-Sunnah, hendaklah berusaha bagi menambahkan pelapis dan meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan generasi muda bagi masyarakat ini.
10. Penggerak-penggerak As-Sunnah, hendaklah sentiasa mengadakan ceramah-ceramah, kelas-kelas, dan menganjurkan seminar-seminar, forum, kursus-kursus pendek, kemah kerja, bengkel, kokurikulum dan sebagainya bagi menyampaikan ajaran As-Sunnah yang sebenar kepada masyarakat.
11. Pergerakan As-Sunnah ini hendaklah menyeluruh dalam segala bidang ajaran Islam itu sendiri dan hendaklah menyeluruh dalam segala bidang kehidupan masyarakat manusia dan menyeluruh bidang ilmu pengetahuan.

